



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Ministry of Education Malaysia*  
**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**  
*Sports, Co-curricular And Arts Division*  
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333  
Faks : +603 88841034/88886790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.600 12/1/4 JLD6 (78 )  
Tarikh : 4 Disember 2019  
7 Rabiulakhir 1441 H

**Persatuan Penyelidikan & Inovasi Malaysia**  
**(Malaysia Research & Innovation Society)**

No. 22 & 24 Taman Kechor Indah Fasa 2

Jalan Abi Tok Hashim

01000 Kangar, Perlis

(U.p.: YBrS. Prof. Madya Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah)

YBrS. Prof.,

**JEMPUTAN MENYERTAI PAMERAN/PERTANDINGAN INOVASI DI BAWAH SELIAAN PERSATUAN PENYELIDIKAN & INOVASI MALAYSIA (MyRIS) DAN WORLD INVENTION INTELLECTUAL PROPERTY ASSOCIATION (WIIPA) BAGI TAHUN 2020**

Dengan hormatnya surat daripada pihak YBrS. Prof., bertarikh 3 Disember 2019 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat berbesar hati dan mengalu-alukan kerjasama dan perkongsian pintar bersama pihak Institusi Pendidikan Tinggi Awam. Setelah meneliti surat permohonan tersebut, Kementerian ini **tiada halangan** memberi sokongan dan pelepasan kepada guru serta murid bagi menyertai pameran/pertandingan inovasi (seperti lampiran) di bawah seliaan **Persatuan Penyelidikan & Inovasi Malaysia (MyRIS)** dan **World Invention Intellectual Property Association (WIIPA)** bagi tahun 2020. Pertandingan ini **terbuka** kepada murid sekolah-sekolah rendah dan menengah Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Walau bagaimanapun, aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2009 dan Bil. 7/1988 yang antaranya mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Mendapat kebenaran daripada ketua jabatan, Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- ii. Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;

- iii. Surat kebenaran/ kelulusan tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- iv. Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- v. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- vi. Murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program yang dirancang/dilaksanakan;
- vii. Penyertaan murid hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- viii. Guru/guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- ix. Tiada implikasi kewangan kepada KPM , JPN dan sekolah;
- x. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran, makan dan minum; melainkan mendapatkan pertimbangan khas daripada Pendaftar;
- xi. Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut manakala laporan penuh program (*soft copy*) mengikut format (seperti lampiran) sebelum berakhir tahun semasa; dan
- xii. Pendaftar berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa;

4. Penggunaan Jata Negara dengan perkataan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memaklumkan akan kerjasama program ini dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebarang logo yang berkaitan dibenarkan hanya untuk *backdrop*, *banner*, sijil, cenderamata, kad jemputan serta buku program sahaja dan tidak dibenarkan untuk lain-lain tujuan komersial. **Permohonan kelulusan ke luar negara hendaklah diuruskan melalui Jabatan Pendidikan negeri-negeri yang terlibat mengikut prosidur yang sedang berkuatkuasa.**

5. Kelulusan ini adalah hanya sah dilaksanakan merujuk kepada penyertaan guru dan murid ke program pameran/pertandingan inovasi (seperti lampiran) di bawah seliaan **Persatuan Penyelidikan & Inovasi Malaysia (MyRIS)** dan **World Invention Intellectual Property Association (WIIPA)** bagi tahun 2020 dan berakhir selepas 2 minggu program dilaksanakan. Sebarang kemusykilan berkaitan perkara ini sila berhubung dengan pegawai Bahagian ini, Puan Norhayati Binti Mustafa di talian 03-8872 1625 / emel: [hayati.mustafa@moe.gov.my](mailto:hayati.mustafa@moe.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ZAINAL BIN ABAS)**

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

NM/nm

s.k.

1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Operasi Sekolah  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri

## SENARAI PAMERAN ANTARABANGSA

NO	PAMERAN	TARIKH & TEMPAT
1	Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEX)	2 – 6 Februari 2020 Bangkok International Trade & Exhibition Centre, Thailand
2	Perlis International Engineering Invention Innovation Exhibition (Pi-ENVEX)	20 -22 Mac 2020 Istanbul, Turki
3	European Exhibition Of Creativity And Innovation (EUROINVENT)	16-18 Mei 2020 Iasi, Romania
4	International Invention and Innovation (INTARG)	18 – 19 Jun 2020 Krakow, Poland
5	Japan Design & Invention Expo (JDIE)	Jun 2020 Tokyo International Exhibition Center, Jepun
6	International Innovation, Creativity and Technology Exhibition (I2CReaTE)	Julai 2020 Kuala Lumpur, MALAYSIA
7	World Invention Creativity Olympic (WICO)	23 – 25 Julai 2020 Seoul Trade Exhibition & Convention (SETEC), Korea
8	International Young Inventors Awards (IYIA)	Oktober 2020 Jakarta, Indonesia
9	International Warsaw Invention Show (IWIS)	Oktober 2020 Warsaw, Poland
10	International Invention Show (INOVA)	November 2020 Zagreb, Croatia
11	Kaohsiung International Invention And Design EXPO (KIDE)	December 2020 International Convention Center Kaohsiung, Taiwan

## LAPORAN

(Tajuk)

---

- 1.0 Nama Program/Aktiviti
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan
- 3.0 Tempat
- 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa)

NO	NEGERI/NEGARA	JUMLAH KESELURUHAN					
		Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	MURID	GURU
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							
11							
12							
13							
14							
15							
16							
	JUMLAH						

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti
- 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan Yang Diturunkan (Jika berkaitan)
- 7.0 VVIP
- 8.0 Pemenang (Jika berkaitan)
- 9.0 Isu dan cabaran
- 10.0 Cadangan penambahbaikan
- 11.0 Gambar